

NO. SOALAN: 47

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN ER TECK HWA

TARIKH : 10 NOVEMBER 2016

RUJUKAN : 9377

SOALAN:

Tuan Er Teck Hwa [Bakri] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan maklumat terperinci Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) mengikut pecahan negara asal, bilangan ditangkap, dibebaskan dan dihukum setiap tahun dari 2010 hingga 2016 mengikut jantina dan umur.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah sebenar Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) yang berada dalam negara adalah sukar untuk diketahui. Semua pendatang asing yang masuk melalui pintu masuk yang diwartakan adalah pendatang asing yang sah dan mematuhi syarat-syarat imigresen yang ditetapkan.

Melalui operasi penguatkuasaan yang telah dijalankan secara berterusan, seramai 295,389 PATI telah berjaya ditangkap dari tahun 2010 sehingga 30 September 2016 kerana melakukan pelbagai kesalahan dibawah Akta Imigresen 1959/63. Daripada jumlah tangkapan tersebut bagi tahun 2010 sehingga 30 September 2016, seramai 108,077 orang PATI warganegara Indonesia, 36,335 orang PATI warganegara Bangladesh, 38,395 orang PATI warganegara Myanmar, 35,983 orang PATI warganegara Philippines, 12,543 orang PATI warganegara Thailand, 10,607 orang PATI warganegara India, 5,113 orang PATI warganegara China, 9,714 orang PATI warganegara Pakistan, 12,492 orang PATI warganegara Nepal, 1,973 orang PATI warganegara Cambodia, 8,442 orang PATI warganegara Vietnam dan 15,715 orang PATI lain-lain warganegara.

Daripada operasi yang dijalankan juga, seramai 102,177 orang PATI telah didakwa dan seramai 510 orang PATI telah dibebaskan dalam tempoh waktu yang sama.